

**Inflasi dijangka 2.3 peratus selepas harga minyak naik, kata Putrajaya
Malaysian Insider
Sept 3 , 2013
OLEH TRINNA LEONG**

Kadar inflasi Malaysia dijangka meningkat kepada 2.3 peratus tahun ini selepas kenaikan harga minyak berkuatkuasa hari ini, kata pakar ekonomi Putrajaya, Datuk Seri Abdul Wahid Omar (gambar), hari ini.

Ramanan Menteri di Jabatan Perdana Menteri itu selari dengan beberapa kajian kewangan yang menyatakan kadar semasa inflasi Malaysia pada 2 peratus akan meningkat berikutan harga bahan bakar lebih mahal.

Putrajaya berkata, pemetongan subsidi menerusi kenaikan harga minyak sebanyak 20 sen bagi petrol RON95 menjadi RM2.10 seliter manakala diesel kepada RM2 seliter itu boleh menjimatkan kerajaan sebanyak RM3.3 bilion setahun. Petrol berkualiti tinggi RON97 berdasarkan kepada harga pasaran.

Abdul Wahid juga cuba mengurangkan ketakutan bahawa walaupun pelaksanaan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) akan menaikkan kos barangan, tetapi, ia akan ada pengecualian cukai.

"Biasanya, apabila negara melaksanakan GST, akan selalu ada barangan yang dikecualikan daripada cukai, begitu guna barangan kadar sifar," katanya di Kuala Lumpur hari ini.

Cakap-cakap mengenai perancangan kerajaan untuk memperkenalkan GST menyebabkan kebimbangan rakyat mengenai kenaikan harga barangan, dan ketakutan mereka bertambah selepas pengumuman kenaikan harga minyak semalam.

Menteri itu bagaimanapun mengulaingi bahawa GST adalah 'untuk menggantikan cukai jualan dan perkhidmatan' sedia ada dan kerajaan akan 'memastikan bahawa kesan kepada rakyat boleh dikendalikan'.

GST berkenaan akan mula berkuatkuasa pada 2015, jika ia termasuk dalam belanjawan negara yang akan diumumkan pada Oktober ini.

Menurut Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan, Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah minggu lalu, beliau dipetik berkata cukai penggunaan itu 'mesti, bukan satu pilihan'.

Putrajaya menganggarkan bahawa empat peratus GST boleh menyumbang sebanyak RM1 bilion setiap tahun dalam pendapatan dan boleh mengurangkan kebergantungan terhadap syarikat minyak Petronas.

Abdul Wahid berkata, tumpuan serta merta kerajaan ialah untuk mengurangkan defisit fiskal, menguruskan keseluruhan hutang dan menangani lebihan akaun semasa.

Belanjawan negara defisit, jumlah yang kerajaan belanjakan lebih daripada jumlah yang diperolehi, iaitu 4.5 peratus daripada Keluaran dalam negara kasar (KDNK) tahun lalu. Sementara itu, hutangnya kepada KDNK ialah pada 53.1 peratus, hampir mencecah setiling kerajaan iaitu 55 peratus.

Lebihan akaun semasa Malaysia jatuh kepada RM2.6 bilion ada suku kedua daripada RM8.7

bilion awal tahun ini ketika eksport jatuh selepas berita mengenai Rizab Persekutuan Amerika Syarikat akan mengurangkan dolar.

Kerajaan pentadbiran Najib dikritik kerana boros berbelanja sebelum Pilihan Raya Umum ke-13 pada Mei lalu dengan memberikan wang bantuan kepada rakyat walaupun dalam krisis kewangan global. Kerajaan disedarkan mengenai reality kewangan negara apabila Fitch Ratings, salah satu daripada tiga firma kadar antarabangsa, menurunkan taraf kredit Malaysia kepada negatif bulan lalu atas pengurusan kewangan yang teruk.

Tahun lalu, Malaysia menjadi salah satu pasaran yang sedang berkembang pesat dan menjadi perhatian selepas mencipta pencapaian menerusi penyenaian beberapa saham terbitan awam (IPO) yang besar. Ia juga berada di tempat keenam daripada 20 pasaran berpotensi untuk berkembang seperti disenaraikan Bloomberg pada Januari tahun ini.

"Cuba lihat situasi kita sekarang. Persekitaran ekonomi global berubah sepenuhnya daripada tahun lalu kepada keadaan tahun ini," kata Abdul Wahid.

"Tahun lalu, banyak yang optimis dengan peringanan kuantitatif (QE) berterusan tetapi tahun ini dengan pengumuman keterbalikan ukuran QE, kita sedang melihat aliran daripada pasaran berkembang kembali kepada pasaran membangun."

Sementara kerajaan berhempas pulas memperkenalkan penawar serta merta bagi meningkatkan keyakinan pelabur dan memperbaiki ekonomi, ia cuba meyakinkan rakyat bahawa walaupun subsidi dikekalkan, tidak akan ada lagi polisi menyeluruh.

"Daripada memberikan subsidi kepada keseluruhan populasi, adalah lebih baik untuk menjadikan subsidi itu lebih kepada sasaran dan diberikan kepada mereka yang layan dan lebih memerlukan," katanya. – 3 September, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/inflasi-dijangka-2.3-peratus-selepas-harga-minyak-naik-kata-putrajaya>